

14 JUN 2000

MAHATHIR-KENARI/I

PM LANCAR PERODUA KENARI DLM MAJLIS PENUH WARNA WARNI

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Kenari, wagon mini yang dihasilkan oleh Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (Perodua), dilancarkan oleh Perdana Menteri Seri Dr Mahathir Mohamad dalam satu majlis penuh berwarna warni di sini, hari ini.

Ia adalah model keempat yang dikeluarkan oleh pengeluar kereta nasional kedua itu selepas Kancil, Rusa and Kembara.

Kereta baru itu yang berharga antara RM37,000 dan RM42,000, dijual di seluruh 20 dewan pameran 20 Perodua dan 120 wakil peniaga sah di negara ini.

Bermula pada 1 Jun lalu apabila tempahan bagi Kenari dibuka sehingga 7 Jun, sejumlah 784 tempahan telah diterima oleh Perodua.

Perodua mensasarkan untuk menjual 1,000 unit Kenari sebulan menjelang akhir tahun ini dan berharap dapat meningkatkan jualan kepada antara 1,200 dan 1,600 unit sebulan pada tahun depan.

Dengan profilnya yang tinggi dan luas serta lapang, "wagon mini pelbagai guna keluarga" ini menawarkan ruang kaki, ruang kepala dan ruang barang yang luas.

Di bawah badannya yang padu dan agak sporty adalah rangka yang kukuh yang melepasi peraturan keselamatan ketat baru di Eropah dan Jepun.

Ia mempunyai kuasa enjin suntikan bahan bakar elektronik 12 injap satu liter dan stering kuasa hidrolik.

-- BERNAMA

MAD ZK MA